

## **Kilang Baharu Ajinomoto Berjumlah RM355 juta di Hab Halal Bandar Enstek**

KUALA LUMPUR, 13 Ogos 2019 - Ajinomoto (Malaysia) Berhad (AMB) melaburkan RM355 juta untuk membina kilang baharu termasuk Pejabat Korporat AMB di Techpark@Enstek, Bandar Enstek, Negeri Sembilan, di mana pembinaannya dirancang akan bermula pada Oktober 2019 dan sekiranya berjalan lancar, dijangka siap menjelang Mac 2022. Ini berikutan pengumuman pemerolehan tanah yang dibuat oleh Syarikat pada Februari 2018.

Pada masa ini kilang AMB terletak di Kuchai Lama, Kuala Lumpur, yang sedang mengalami pembangunan pesat dari segi komersial, kediaman dan infrastruktur. Keputusan untuk memindahkan kilang tersebut adalah selaras dengan pelan pembangunan perniagaan Syarikat.

Hab Halal Techpark@Enstek dipilih sebagai tapak yang sesuai untuk memantapkan status Syarikat sebagai pembuat produk makanan halal yang diperakui dan terkemuka. Kilang baharu tersebut akan mengukuhkan lagi fungsi pembangunan dan pengeluaran AMB yang unik

dalam membekalkan produk dan ramuan khusus yang halal. Kilang tersebut akan mengekalkan pengiktirafan "Senarai Putih" (pengiktirafan paling tinggi daripada JAKIM) untuk memberikan nilai tambahan kepada komuniti setempat dan mengembangkan lagi eksport produk makanan halal ke ASEAN dan negara-negara Islam di seluruh dunia.

Kilang baharu tersebut akan terus mengeluarkan produk popular Syarikat iaitu perencah umami AJI-NO-MOTO\*, perencah TUMIX\*, Rasa Sifu\*, AJI-SHIO\*, perencah khusus untuk menu SERI-AJI\* dan produk pengguna lain, serta produk bagi pengeluar makanan industri seperti "Tencho". AMB menyasarkan untuk menjadi Pusat Pengeluaran dan Ramuan Khusus Halal Global untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat bagi perencah dan produk makanan halal di pasaran tempatan dan global.

Selain itu, penggunaan teknologi terkini di kilang baharu tersebut akan mengoptimalkan operasi melalui automasi dan digitalisasi, meningkatkan

produktiviti dan mewujudkan persekitaran yang kondusif serta mesra pekerja.

Sejak penubuhannya, Kumpulan Ajinomoto telah memberi tumpuan kepada penyelesaian isu sosial melalui aktiviti perniagaannya di seluruh dunia. Kejayaannya berlandaskan penghasilan nilai bersama dengan komuniti setempat dan masyarakat yang lebih luas. Kumpulan telah menjadikan prinsip ini sebagai nadi perniagaannya: Penciptaan Nilai Bersama Kumpulan Ajinomoto (ASV).

AMB akan mengukuhkan prinsip ASV di kilang baharu dengan reka bentuk bercirikan tanggungjawab sosial yang menggabungkan kemudahan untuk menggalakkan penglibatan dan program pembangunan komuniti seperti lawatan kilang, kelas memasak dan lain-lain aktiviti komuniti. Dalam usaha mesra alam, kilang baharu tersebut akan terus meneroka cara untuk menangani isu pemanasan global dan isu alam sekitar seperti mengurangkan pengeluaran gas Karbon Dioksida (CO<sub>2</sub>) dengan menukar sumber haba daripada

minyak bahan api kepada gas asli, dan menggunakan tenaga boleh diperbaharui seperti solar sebagai alternatif.

Melangkah ke hadapan, AMB bersama dengan kilang baharunya akan terus menyumbang kepada kelestarian masyarakat dan alam sekitar. Syarikat akan bekerjasama dengan pelanggannya dan komuniti setempat merentasi rantaian nilai, bermula daripada peringkat pengeluaran hinggalah penggunaan, sewaktu ia berusaha untuk menjadi syarikat produk makanan yang paling dipercayai dan disukai di Malaysia.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Ajinomoto (Malaysia) Berhad,  
Jabatan Komunikasi Korporat  
melalui  
[corporate1@ajikl.com.my](mailto:corporate1@ajikl.com.my)

**Mengenai Ajinomoto (Malaysia) Berhad**

Ajinomoto (Malaysia) Berhad (AMB) memulakan operasi perniagaannya pada tahun 1961,

sebagai salah sebuah syarikat Jepun yang pertama di Malaysia. AMB merupakan sebahagian daripada Kumpulan Ajinomoto, pembuat produk makanan dan penambah perisa berkualiti tinggi global, bermula dengan Penambah Perisa Umami AJI-NO-MOTO\* yang ditemui buat kali pertamanya dan dihasilkan lebih daripada 100 tahun dahulu di Jepun. Hari ini, AMB memiliki pelbagai rangkaian produk di bawah jenama AJI-NO-MOTO\*, Rasa Sifu\*, TUMIX\*, SERI-AJI\*, AJI-SHIO\*, PAL SWEET\*, AJI-NO-MOTO\* PLUS, dan AJI-MIX\*.

Bermula dari itu, AMB telah berkembang menjadi pembuat produk makanan dan penambah perisa yang dinamik dan bertanggungjawab yang dipercayai oleh rakyat Malaysia selama berdekad-dekad.